



Hukum Hakam AQIQAH

*"Tiap-tiap anak itu tertebus (terpelihara daripada kemudarat dan kemungkaran) dengan aqiqahnya, disembelih haiwan untuknya pada hari ketujuh, dicukur kepalanya dan diberi nama".
(Maksud hadis riwayat Ahmad dan Tirmidzi)*

Penyusun :

MOHD HAMIM SEMAON & HANNAN SAYUTHI
UNIT KAJIAN SYARIAH PEDULI INSAN



PEDULI INSAN
Unit Kajian Syariah
www.usk.usm.edu.my

Terbit edisi e-buku 2022
@Pertubuhan Peduli Insan Malaysia

Tajuk : Hukum Hakam Aqiqah
Penyusun : Mohd Hamim bin Semaon
Hannan Sayuthi
Reka bentuk kulit dan atur huruf : Saifullah

Diterbitkan oleh :
Pertubuhan Peduli Insan Malaysia
38, Jalan Bola Tampar 13/14, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor



AQIQAH:
SOROTAN HUKUM ASAS

PENGENALAN

Islam merupakan sebuah agama yang syumul meliputi semua aspek kehidupan manusia samada dari aspek ekonomi, muamalat, sosial termasuk kekeluargaan. Di dalam Islam, terdapat pelbagai amalan sunat yang elok diamalkan sesuai dengan situasi dan 'urf manusia. Di antara amalan sunat yang bersituasi ialah ibadah aqiqah untuk bayi. Aqiqah merupakan satu amalan yang sangat dituntut kerana ia pernah dilakukan oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Amalan ini kemudiannya turut diikuti oleh para sahabat, tabi'in dan umat Islam sejagat. Walaupun amalan aqiqah ini bukan suatu kewajipan namun ianya sangat dituntut sebagai tanda syukur kepada Allah SWT atas nikmat dan anugerah zuriat.

Justeru, sebagai perkongsian dengan pembaca yang budiman, penulisan ini akan membincangkan secara ringkas mengenai hukum dan isu yang berkaitan dengan amalan aqiqah.

MAKSUD AQIQAH

Ibn Manzur menjelaskan, aqiqah dari sudut bahasa dikaitkan dengan rambut bayi¹ yang dikerat atau dicukur. Menurut istilah syarak pula, aqiqah diertikan sebagai haiwan yang disembelih ketika perbuatan mencukur rambut bayi dilakukan². Ini bererti, aqiqah pada asalnya bermaksud rambut bayi yang dicukur. Kemudian ia disebut merujuk kepada haiwan yang disembelih kerana pada setiap kali diadakan majlis mencukur kepala bayi, orang akan menyembelih kambing atau biri-biri sehingga akhirnya sembelihan tersebut dipanggil sebagai aqiqah³.

Para ulama berkata, haiwan aqiqah sunat disembelih pada hari ketujuh selepas kelahiran bayi⁴. Pada hari itu juga, sunat diberikan nama pada bayi. Ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w:

الْغُلَامُ مَرَّتَيْنِ بَعَثْتَهُ يُذَبِّحُ عَنْهُ يَوْمَ السَّابِعِ وَيُسَمَّى وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ⁵

Seorang bayi tergadai dengan sembelihan aqiqahnya. Ia disembelih pada hari ketujuh, diberi nama dan dicukur kepalanya.

1 Lisan Al-`Arab, Jilid 10, Ms. 258

2 Al-Fiqh Al-Manhaji, Jilid 3, Ms. 55

3 Lisan Al-`Arab, Jilid 10, Ms. 258

4 Ahkam Al-Udhiyah Wa Al-Aqiqah Wa At-Tazkiah, 41

5 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 1522

HUKUM AQIQAH

Hukum aqiqah adalah *sunat muakkadah* bagi bapa atau datuk bayi yang berkemampuan dari sudut harta. Asas pensyariatannya ialah sebuah hadith riwayat Salman bin Amir al-Dhabbi RA katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَعَ الْغُلَامِ عَقِيَّتَهُ فَأَهْرِيقُوا عَنْهُ دَمًا وَأَمِيطُوا عَنْهُ الْأَذَى⁶

Maksudnya: *“Bersama-sama kelahiran bayi ada aqiqahnya. Oleh itu, tumpahkanlah darah aqiqah bagi pihaknya (sembelih haiwan) dan buanglah kekotoran daripadanya”*.

Amalan aqiqah sunat untuk dilakukan pada hari ketujuh kelahiran bayi tersebut disamping memberikan nama yang baik dan juga mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan. Hal ini berdasarkan sabda Baginda SAW daripada Samurah RA:

كُلُّ غُلَامٍ رَهِيْنَةٌ بِعَقِيَّتِهِ تُذْبِحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ وَيُسَمَّى فِيهِ
وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ⁷

Maksudnya: *“Bayi itu tertebus dengan aqiqahnya. Disembelih aqiqah pada hari yang ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya”*.

6 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 2839

7 Sunan Abu Daud, No. Hadith 1522.

Kesimpulannya, hukum aqiqah adalah *sunat muakkadah* iaitu amalan yang sangat digalakkan. Mereka yang berkemampuan, makruh meninggalkan amalan tersebut. Namun jika tidak berkemampuan, syarak tidak memaksanya lebih dari keupayaan yang ada. Pendapat yang terkuat dalam mazhab al-Syafie menyimpulkan bapa yang tidak mampu melaksanakan aqiqah ketika anaknya berusia 7 hari, boleh menangguhkannya hingga ia benar-benar mampu. Penangguhan ini dilanjutkan sehingga anaknya mencapai usia baligh⁸. Dengan kata lain, setelah usia si anak mencecah baligh, tempoh untuk si bapa melakukan aqiqah anaknya sudah tamat dan ia tidak lagi disunatkan melakukan aqiqah untuk anaknya.

8 Umar Mukhtar. 2017. Hukum Aqiqah Bagi Diri Sendiri. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/787-al-kafi-633-hukum-aqiqah-bagi-diri-sendiri>, [diakses pada 3 Ogos 2021].

KAITAN AQIQAH & RAHN (GADAIAN)

Pada asalnya, amalan aqiqah dan *rahn* iaitu gadaian tidak mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Namun ia adalah perumpamaan yang disebutkan di dalam hadith Nabi s.a.w. Di dalam gadaian, barang yang digadai tidak dapat digunakan oleh pemiliknya sehingga ia menebusnya dengan bayaran tertentu. Ketika itu barulah barangan tersebut boleh dikembalikan kepada pemilik asalnya. Demikian juga bayi yang belum diaqiqahkan. Para ulama menyebutkan, kesejahteraan bayi tersebut belum berlaku secara sempurna sehinggalah aqiqahnya dilaksanakan⁹. Justeru, di antara tujuan amalan aqiqah dilakukan ialah untuk menyempurnakan kebaikan untuk bayi. Perumpamaan ini menggambarkan kepentingan aqiqah bagi bayi yang baru dilahirkan walaupun hukumnya adalah sunat. Selain itu, amalan aqiqah ini juga dikaitkan dengan syafaat untuk kedua ibu bapanya di akhirat kelak di mana jika bayi itu meninggal dunia tanpa diaqiqahkan, ia tidak dapat memberi syafaat kepada ibu dan bapanya¹⁰.

9 Al-Mafatih Fi Syarh Al-Masabih, Jilid.4 Ms. 493

10 Ahkam Al-Udhiyah Wa Al-Aqiqah Wa At-Tazkiah, 41 – 42

KADAR & WAKTU AQIQAH

Menurut sebuah hadith Nabi, kadar afdal bagi ibadah aqiqah ini adalah dua ekor kambing bagi anak lelaki, dan seekor bagi anak perempuan. Hal ini berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW:

مَنْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ فَأَحَبَّ أَنْ يَنْسِكَ عَنْهُ فَلْيَنْسِكْ عَنِ الْغُلَامِ شَاتَانِ مُكَافِئَتَانِ
وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاةٌ¹¹

Maksudnya: “Sesiapa yang dikurniakan anak dan ingin melakukan ibadat aqiqah untuknya, maka lakukanlah aqiqah bagi anak lelaki dua ekor kambing dan bagi anak perempuan pula seekor kambing”.

Berdasarkan hadis di atas, kadar afdhal aqiqah untuk anak lelaki adalah dua ekor kambing manakala bagi anak perempuan pula adalah seekor kambing. Ini merupakan kesimpulan dari mazhab Syafie. Namun jika bayi lelaki diaqiqahkan dengan seekor kambing sahaja, ia sudah memadai. Hal ini berdasarkan hadis daripada Ibn Abbas RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقَّ عَنِ الْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ
كَعِشًا كَعِشًا¹²

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengaqiqahkan al-Hasan dan al-Husain seekor kibasy yang serupa dan sepadan bagi setiap seorang”.

11 Sunan Abi Daud, No. Hadith 2842.

12 Sunan Abi Daud, No. Hadith 2841

JENIS HAIWAN YANG DIAQIQAHKAN

Secara asasnya, haiwan yang dibenarkan syarak untuk dijadikan aqiqah ialah biri-biri dan kambing. Pun begitu, majoriti ulama termasuk mazhab al-Syafi'e membenarkan aqiqah dengan haiwan lain seperti unta atau lembu.

Hal ini telah disebutkan oleh al-Imam al-Nawawi Rahimahullah di dalam kitabnya *al-Majmu`*:

مَذْهَبُنَا جَوَازُ الْعَقِيقَةِ بِمَا تَجُوزُ بِهِ الْأَضْحِيَّةُ مِنَ الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ وَالْغَنَمِ وَبِهِ قَالَ أَنَسُ
ابْنُ مَالِكٍ وَمَالِكُ بْنُ أَنَسٍ وَحَكِيُّ ابْنُ الْمُنْذِرِ عَنْ حَفْصَةَ بِنْتِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ
أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَا يُجْزَى إِلَّا الْغَنَمُ¹³

Maksudnya: Mazhab kami (iaitu al-Syafi'e), mengharuskan aqiqah dengan haiwan yang disembelih dalam ibadah qurban seperti unta, lembu dan kambing. Ini adalah pendapat Anas bin Malik dan Malik bin Anas. Ibn al-Munzir melaporkan pendapat Hafsa binti Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Siddiq RA yang mengatakan tidak memadai aqiqah melainkan dengan kambing sahaja.

Berkenaan aqiqah dengan selain kambing dan biri-biri, seseorang itu boleh melakukannya dalam bentuk 1/7 bahagian atau lebih dari lembu dan unta. Malah, mereka yang menyertai aqiqah pada unta atau lembu, boleh berkongsi dengan peserta lain yang berbeza tujuan. Hal ini seperti seorang pelaku aqiqah yang berkongsi haiwan lembu dengan pelaku qurban sunat,

13 Al-Majmu` Syarh al-Muhazzab. Dar al-Fikr. Jilid 8. Ms 448.

qurban nazar atau sembelihan biasa dalam lembu yang sama. Al-Khatib al-Syarbini Rahimahullah berkata di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

وَكَالشَّاةِ سُبْعَ بَدَنَةِ أَوْ بَقْرَةَ فَلَوْ ذَبَحَ بَدَنَةً أَوْ بَقْرَةَ عَنْ سَبْعَةِ أَوْلَادٍ أَوْ اشْتَرَكَ
جَمَاعَةً فِيهَا جَازَ سِوَاءَ أَرَادُوا كُلُّهُمْ الْعَقِيقَةَ أَوْ بَعْضُهُمُ الْعَقِيقَةَ وَبَعْضُهُمُ اللَّحْمَ¹⁴

Maksudnya: *Dan setara dengan seekor kambing itu 1/7 (satu bahagian) dari unta dan lembu. Sekiranya unta atau lembu disembelih mewakili 7 orang anak atau dikongsi secara beramai-ramai, ianya adalah harus, sama ada semua peserta itu berniat aqiqah atau sebahagian mereka berniat aqiqah dan sebahagian lagi mahukan daging sahaja (berniat sembelihan biasa).*

Kesimpulannya, 1/7 bahagian pada lembu atau unta untuk tujuan aqiqah boleh menggantikan seekor kambing sambil meraikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kaedah sembelihan dan prinsip ibadah qurban.

14 Mughni al-Muhtaj, Jilid 6. Ms 139.

SIAPA YANG PERLU MELAKSANAKAN AQIQAH?

Para ulama mazhab Syafie menjelaskan, pelaksanaan aqiqah dituntut ke atas *al-asl* iaitu induk keluarga seperti ayah dan datuk kerana mereka adalah golongan yang menyara nafkah ke atas bayi tersebut. Tuntutan ini berlaku jika mereka berkemampuan dari sudut harta. Dalam hal ini, si ayah atau datuk perlu menggunakan harta mereka sendiri untuk melaksanakan aqiqah dan mereka tidak dibenarkan melaksanakannya dari harta bayi¹⁵.

Al-Khatib Asy-Syarbini berkata:

أَمَّا مِنْ مَالِ الْمَوْلُودِ فَلَا يَجُوزُ لِلْوَالِي أَنْ يُعَقَّ عَنْهُ مِنْ ذَلِكَ لِأَنَّ الْعَقِيقَةَ تَبَرُّعٌ وَهُوَ
مَمْنُوعٌ مِنْهُ مِنْ مَالِ الْمَوْلُودِ فَإِنْ فَعَلَ ضَمِنَ¹⁶

Adapun menggunakan harta bayi yang dilahirkan, maka tidak boleh wali melakukan aqiqah dengan harta mereka, kerana aqiqah adalah sejenis derma dan perbuatan menderma dari harta anak adalah ditegah.

Jika wali melakukannya, ia mesti membayar ganti harta tersebut.

Bapa atau datuk disunatkan melakukan aqiqah untuk anak atau cucu mereka selagi anak tersebut masih belum mencapai usia baligh. Apabila anak tersebut sudah baligh dan ia masih belum diaqiqahkan, maka sunat bagi anak tersebut untuk melakukan aqiqah dirinya dengan duitnya sendiri menurut pandangan sebahagian ulama.¹⁷

15 Mughni al-Muhtaj, Jilid 6. Ms 139.

16 Mughni al-Muhtaj, ibid

17 Mughni al-Muhtaj, ibid

WAKTU DAN TEMPOH MELAKUKAN AQIQAH?

Berdasarkan hadith, waktu yang disunatkan untuk melakukan aqiqah ialah pada hari ketujuh kelahiran bayi. Pun begitu, seorang bapa diharuskan melakukan aqiqah pada sebelum hari ketujuh kelahiran dan selepas hari ketujuh kelahiran bayi. Namun, jika aqiqah dilakukan sebelum kelahiran bayi, ia tidak dikira sebagai aqiqah, sebaliknya ia dikira sebagai sembelihan biasa.

Aqiqah yang dilakukan setelah hari ketujuh dikira sebagai aqiqah secara qadha¹⁸. Abu Bakr Al-Hisni menjelaskan, sekiranya si bapa tidak berkemampuan melakukan aqiqah pada hari ketujuh dari kelahiran anaknya, ia boleh melakukannya sebelum tamat tempoh nifas ibunya. Jika ia belum dilakukan juga, ia boleh dilakukan sebelum tamat tempoh bayi menyusukan badan. Jika ia masih belum dilakukan juga, ia boleh dilaksanakan sebelum usia anak mencecah 7 tahun. Jika aqiqah si anak tidak dilakukan sebelum usianya 7 tahun, ia boleh dilakukan sebelum si anak mencecah usia baligh. Ini adalah tempoh masa si bapa atau datuk disunatkan untuk melakukan aqiqah bagi pihak anak atau cucunya¹⁹.

18 Kifayah Al-Akhyar, Ms. 534

19 Kifayah Al-Akhyar, ibid

Jika bapa atau datuk tidak melakukan aqiqah untuk anak atau cucunya setelah mereka baligh, maka tanggungjawab si bapa atau datuk adalah tergugur. Dalam situasi ini, si anak boleh memilih sama ada ia melakukan aqiqah sendiri atau mengabaikannya²⁰.

AQIQAH UNTUK BAYI YANG MENINGGAL DUNIA

Bayi yang meninggal dunia berlaku dalam 3 situasi iaitu:

- 1) **Gugur dari Rahim ibunya dan tidak sempat bernyawa.**
- 2) **Meninggal dunia dalam perut ibu dan sempat bernyawa.**
- 3) **Meninggal dunia sesudah lahir ke dunia.**

1- Jika janin di dalam perut ibu gugur sebelum mencecah usia 4 bulan kandungan, maka bapanya tidak dituntut melakukan aqiqah. Hal ini kerana janin tersebut masih belum bernyawa dan ia belum dikira sebagai manusia.

2- Jika anak atau bayi meninggal dunia ketika dalam perut ibunya dan ia sempat bernyawa, para ulama berpandangan, bapanya masih disunatkan melakukan aqiqah²¹. Ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w:

20 Kifayah Al-Akhyar, ibid

21 Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra, Jilid 4. Ms. 257

كُلُّ غُلَامٍ رَهِيْنَةٌ بِعَمِيْقَتِهِ تُذْبِحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ وَيُسَمَّى فِيهِ
وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ²²

Maksudnya: “Bayi itu tertebus dengan aqiqahnya. Disembelih aqiqah pada hari yang ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya”.

Galakan melakukan aqiqah di dalam hadith ini disebutkan secara umum, merangkumi setiap janin yang bernyawa sekalipun tidak sempat lahir ke dunia. Dalil hadith ini juga tidak membezakan di antara bayi yang mati di dalam perut ibunya atau mati sesudah ia dilahirkan ke dunia. Justeru, hukum dari hadith ini merangkumi semua kondisi tersebut.

3- Jika anak tersebut sudah dilahirkan lalu meninggal dunia, sama ada sebelum hari ketujuh atau setelahnya, amalan aqiqahnya masih sunat dilakukan oleh bapanya²³ berdasarkan hukum hadith yang dinyatakan dalam situsi ke-2 sebentar tadi.

22 Sunan Abi Daud, No. Hadith 1522.

23 Al-Majmu` Syarh Al-Muhazzab, Jilid 8. Ms. 432

AGIHAN DAGING AQIQAH

Walaupun syarat pemilihan haiwan aqiqah diveduk dari syarat-syarat haiwan qurban secara qiyas, namun terdapat sedikit perbezaan dari sudut cara agihannya. Hal ini kerana tiada nas spesifik yang menjelaskan cara agihan daging aqiqah. Justeru ia membuka ruang para ulama berbeza pandangan pada cara agihannya. Ada ulama mengqiyaskannya seperti agihan daging qurban. Jika demikian, daging aqiqah perlu diberi secara mentah-mentah kepada jiran tetangga, rakan taulan dan fakir miskin²⁴. Namun kebanyakan ulama menggalakan daging aqiqah dimasak dan dijamu kepada rakan taulan, jiran tetangga dan fakir miskin²⁵. Kata ulama:

وَيُسْتَحَبُّ أَنْ لَا يَتَصَدَّقَ بِهِ نَبِيًّا بَلْ مَطْبُوحًا عَلَى الْأَصْحٰبِ²⁶

Disunatkan tidak disedekahkan daging secara mentah, bahkan dalam bentuk yang dimasak mengikut pandangan paling sah.

Jamuan tersebut boleh dilakukan dalam bentuk jemputan kenduri atau masakan tersebut dibungkus dan diagihkan kepada orang ramai.

Berkenaan dengan cara masakan, sesetengah ulama menggalakkan daging aqiqah dimasak dengan masakan yang berunsur rasa manis sebagai beroptimis semoga bayi tersebut

24 Al-Mughni, Jilid 13, Ms. 400

25 At-Tazhib Fi Fiqh Al-Imam Asy-Syafi'iy, Jilid 8, Ms. 49

26 Kifayah Al-Akhyar, Ms.535

mempunyai sikap dan akhlak yang dipandang manis²⁷. Ada juga yang mencadangkan agar ia dimasak dengan menu berunsur masam-masam kerana sabit dalam hadith Nabi memuji lauk yang berunsur cuka yang bersifat masam²⁸. Demikian juga ulama mencadangkan agar daging tersebut dimasak tanpa dikerat-kerat ruas tulang dan sendi anggota kaki haiwan kerana beroptimis agar bayi tersebut mempunyai anggota badan dan tulang yang sihat dan sempurna²⁹.

Ini berdasarkan sebuah hadith:

شَاتَانِ عَنِ الْغُلَامِ وَشَاةٌ عَنِ الْجَارِيَةِ تُطْبَخُ جُدُولًا لَا يُكْسَرُ لَهَا عَظْمٌ³⁰

2 ekor biri-biri disembelih untuk bayi lelaki dan seekor biri-biri untuk bayi perempuan. Dagingnya dimasak dengan sendi dan tulangnya yang dipotong mengikut ruas. Tidak boleh dipatahkan tulangnya.

Pun begitu, tidaklah menjadi kesalahan atau dihukum makruh andai haiwan aqiqah tersebut dimasak dengan cara yang lain dari yang dicadangkan, atau tulang dan sendi haiwan tersebut dikerat-kerat bagi memudahkan urusan memasak³¹. Galakan memasak dengan menu berunsur manis atau masam dan mengerat mengikut ruang sendi dan tulang hanyalah untuk mengukuhkan rasa optimis terhadap kesejahteraan bayi. Jika ia tidak dapat dipenuhi, ia sekali-kali tidak akan memberi kesan sampingan atau membawa sial kepada bayi terbabit. Malah

27 Kifayah Al-Akhyar, Ms.535

28 Iaitu hadith yang bermaksud, "Sebaik-baik lauk adalah cuka." Hadith Riwayat Ahmad dalam Musnadnya.

29 Kifayah Al-Akhyar, Ms.535

30 Musannaf Ibn Abi Syaibah, No. Hadith 24263

31 Lihat Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`, Jilid 2, Ms. 595

tanggapkan demikian adalah sikap tiyarah (طيرة - pesimis) yang telah ditegah oleh syarak. Kata Syaikh Asy-Syubrawi:

وَلَوْ كُسِرَ الْعَظْمُ فَلَا كَرَاهَةَ لَأَنَّهَا طَيْرَةٌ وَقَدْ نُهِىَ عَنْهَا³²

Jika dipatahkan tulangnya, maka tidaklah makruh. Kerana ia adalah perbuatan pesimis yang ditegah oleh syarak (jika kita anggap bayi mendapat mudarat jika tulang haiwan aqiqah dipatahkan).

32 Ittifah Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrīb, Ms. 460

SYARAT-SYARAT HAIWAN AQIQAH

Secara amnya, haiwan yang disembelih dalam ibadah aqiqah perlu memenuhi syarat-syarat yang sama dengan haiwan-haiwan dalam ibadah qurban seperti yang tertera dalam jadual berikut³³:

BIL	JENIS HAIWAN	UMUR MINIMA
1.	Kibas	Satu tahun atau telah gugur gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan
2.	Biri-biri, domba dan kambing	Melebihi satu tahun apabila gugur gigi susuan / hadapannya (1 tahun keatas)
3.	Lembu dan kerbau	Melebihi dua tahun (2 tahun keatas)
4.	Unta	Melebihi lima tahun (5 tahun keatas)

Selain itu, haiwan-haiwan ini hendaklah terdiri daripada haiwan ternakan yang tidak mempunyai kecacatan yang menghilangkan kelayakannya untuk dibuat qurban, tidak buta, tidak tempang, tidak terlalu kurus dan seumpamanya³⁴.

33 Ittihaf Al-Arib Bi Syarh Al-Ghayah Wa At-Taqrīb, Ms. 453

34 Lihat Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Jilid 4, Ms. 2747

PERKARA-PERKARA SUNAT SELAIN AQIQAH

Selain daripada amalan aqiqah, terdapat juga amalan lain yang sunat dilakukan ketika berlaku kelahiran bayi. Antaranya ialah:

1. Melafazkan azan di telinga bayi

Setelah bayi keluar dari rahim ibu dengan sempurna, sunat diazankan di telinga kanan bayi. Amalan ini boleh dilakukan, sama ada oleh bapa bayi, datuknya atau orang lain. Abu Rafi` menceritakan:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَدَّنَ فِي أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ
حِينَ وَلَدَتْهُ فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ³⁵

Aku telah melihat Rasulullah SAW melakukan azan seperti azan solat di telinga Al-Hasan bin Ali ketika ia dilahirkan oleh Fatimah.

Sesudah azan di telinga kanan, sunat diiqamahkan di telinga kiri bayi sebagai cara mendapatkan perlindungan Allah dari gangguan syaitan ke atas bayi. Al-Husain meriwayatkan sebuah hadith Nabi SAW:

مَنْ وُلِدَ لَهُ فَأَدَّنَ فِي أُذُنِهِ الْيُمْنَى وَأَقَامَ فِي أُذُنِهِ الْيُسْرَى لَمْ تَضُرَّهُ أُمُّ الصَّبَّانِ³⁶

Sesiapa yang dilahirkan bayi untuknya, lalu ia melakukan azan di

35 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 1514

36 Musnad Abu Ya`la, No. Hadith 6780

telinga kanan dan iqamah di telinga kiri, maka Ummu As-Sibyan tidak dapat mengganggu bayi tersebut.

Selain dapat melindungi bayi dari gangguan syaitan Ummu As-Sibyan, hikmah melakukan azan di telinga bayi ialah untuk menjadikan kalimat *zikrullah* – yang mengandung unsur keimanan kepada Allah dan RasulNya – sebagai perkataan pertama yang masuk ke dalam pendengaran bayi³⁷.

2. Mencukur rambut, menimbang dan bersedekah

Setelah rambut bayi dicukur, ia hendaklah ditimbang dan berat rambut tersebut akan dinilai dengan harga perak semasa. Jumlah wang yang terbit dari nilai timbangan tersebut hendaklah disedekahkan kepada orang fakir atau miskin. Hal ini sabit dalam hadis Ibnu Abbas r.a, bahawa Nabi SAW berkata kepada anaknya Fatimah:

عَقَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحَسَنِ بِشَاةٍ وَقَالَ يَا فَاطِمَةُ احْلِقِي رَأْسَهُ وَتَصَدَّقِي بِزِنَةِ شَعْرِهِ فَضَّةً قَالَ فَوَزَنَتْهُ فَكَانَ وَزَنُهُ دِرْهَمًا أَوْ بَعْضَ دِرْهَمٍ³⁸

Maksudnya: “Rasulullah SAW melakukan aqiqah untuk Al-Hasan lalu baginda berkata: Hai Fatimah, cukurlah rambutnya dan bersedekahlah mengikut berat timbangan rambutnya yang menyamai nilai perak kepada orang-orang miskin. Mereka berdua lalu menimbanginya, dan timbangannya ialah seberat satu dirham atau setengah dirham.

37 Mirqat Al-Mafatih, Jilid 7, Ms. 2691

38 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 1519.

Setengah ulama menyebutkan, diharuskan juga menjadikan emas sebagai nilai yang mewakili timbangan rambut bayi. Pendekatan ini sabit menerusi *qiyas* ke atas nilai perak yang disebutkan di dalam hadith³⁹. Justeru terdapat keluasan dalam hal ini. Para bapa boleh menentukan pendekatan sedekah yang dirasakan mampu untuk diberikan kepada fakir dan miskin.

3. Amalan Tahnik

Menurut Kamus Idris Al-Marbawi, tahnik dari segi bahasa bermaksud lelangit di dalam mulut. Dari sudut syarak, ia bermaksud seseorang yang memasukkan kurma atau manisan lain ke dalam mulutnya bagi tujuan melembutkan, kemudian ia mengeluarkan sedikit cecair dari kurma atau madu yang dicairkan ke atas jarinya dan memasukkannya ke dalam mulut bayi untuk dihisap⁴⁰. Amalan ini juga disebut sebagai ‘belah mulut’ di kalangan sebahagian masyarakat Melayu.

Waktu tahnik seeloknya dilakukan sejurus selepas bayi dilahirkan atau pada hari pertama ia lahir ke dunia. Hal ini supaya tubuh bayi tersebut mendapat tenaga awal dari unsur gula di dalam kurma atau manisan lain melalui tahnik⁴¹ serta ia mendapat ‘taklimat awal’ tentang cara menghisap susu ibunya. Imam an-Nawawi berkata:

اتَّقَ الْعُلَمَاءُ عَلَى اسْتِحْبَابِ تَحْنِيكِ الْمَوْلُودِ عِنْدَ وِلَادَتِهِ بِتَمْرٍ فَإِنَّ تَعَذَّرَ
فَمَا فِي مَعْنَاهُ أَوْ قَرِيبٍ مِنْهُ مِنَ الْحَلْوَى⁴²

39 Mughni Al-Muhtaj, Jilid 6, Ms. 142

40 Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah, Jilid 21, Ms. 215

41 Portal Almrsl, <https://www.almrsl.com/post/840931>, [Diakses pada 19 Nov 2021]

42 Al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin Al-Hajjaj, Jilid 14, Ms. 122 – 123

Para ulama bersepakat, disunatkan mentahnik bayi dengan kurma pada hari ia dilahirkan. Jika tiada kurma, maka boleh menggunakan apa-apa makanan yang mirip dengan kurma dari manisan yang lain.

Jika berkemungkinan, bapa bayi seeloknya mencari orang-orang yang soleh, sama ada ianya lelaki atau perempuan untuk mentahnikkan anaknya⁴³. Jika tiada, bapa, datuk, ibu atau sesiapa sahaja boleh melakukan tahnik kepada bayi bagi memenuhi objektif asal. Kesimpulannya, tahnik sebaiknya dilakukan segera dan tidak ditangguhkan hingga tibanya hari ke-7 dari kelahirannya. Ini kerana tujuan atau hikmah tahnik ialah memberi makanan awal kepada bayi serta memberi pendedahan awal kepada bayi tentang cara makan atau minum. Oleh itu, ia elok disegerakan pada hari kelahirannya dan tidak perlu ditangguhkan sehingga hari ketujuh sebagaimana yang dilakukan oleh segelintir masyarakat kita.

4. Menamakan Bayi

Nama adalah identiti utama untuk setiap manusia. Tanpa nama, sukar untuk insan lain mengenal pasti atau memanggil seseorang. Nama sentiasa berfungsi menjadi sebutan dan panggilan orang di sepanjang kehidupan. Malah, sehingga selepas kematian seseorang pun, nama akan terus menjadi wasilah untuk orang lain melakukan identifikasi. Atas dasar ini, para bapa atau penjaga perlu menamakan anak dengan nama-nama yang baik, tidak mempunyai maksud yang buruk atau yang tidak sesuai dengan harga diri seorang manusia.

4.1 Waktu Memberi Nama Pada Bayi

Jika si bapa bercadang untuk melakukan aqiqah pada hari ketujuh, ia disunatkan menangguk penamaan anak dan melakukannya pada hari aqiqah tersebut⁴⁴. Ini berdasarkan hadith Nabi s.a.w:

... تَذْبِجُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ وَيُسَمِّي فِيهِ وَيُحَلِّقُ رَأْسَهُ⁴⁵

... (sunat) disembelih aqiqah untuk bayi pada hari ketujuh, diberikan nama dan dicukur kepalanya.

Namun si bapa boleh memberi nama kepada anaknya beberapa hari setelah ia dilahirkan jika ia tidak bercadang untuk melakukan aqiqah pada hari ketujuh. Hal ini kerana Nabi s.a.w pernah memberi nama kepada salah seorang anaknya sebelum tiba hari ketujuh seperti dalam hadith berikut:

وُلِدَ لِي اللَّيْلَةَ غُلَامًا فَسَمَّيْتُهُ بِاسْمِ أَبِي إِبْرَاهِيمَ⁴⁶

Pada malam ini, saya telah dikurniakan seorang anak lelaki. Maka aku menamakannya dengan nama moyangku, Ibrahim.

44 At-Tawdhiih Li Syarh Al-Jami' As-Sahih, Jilid 26, Ms. 295

45 Sunan Abi Daud, No. Hadith 1522.

46 Sahih Muslim, No. Hadith 2315

4.2 Kepentingan Nama Yang Baik

Perletakan nama tidak boleh dipandang remeh kerana ia akan digunakan sepanjang hidup di dunia hingga ke akhirat. Nabi s.a.w bersabda:

إِنَّكُمْ تُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِأَسْمَائِكُمْ وَأَسْمَاءِ آبَائِكُمْ⁴⁷
فَأَحْسِنُوا أَسْمَاءَكُمْ

Sesungguhnya kalian akan diseru di hari kiamat kelak dengan nama kalian dan nama bapa kalian. Maka, perelokkan nama kalian.

Nama juga akan tercatat dalam sijil kelahiran, kad pengenalan, lesen memandu, sijil-sijil akademik sehinggalah pada sijil kematiannya. Jika nama yang diberikan memberi maksud yang tidak baik, dia akan dikenali dengan nama itu sehingga akhir hayatnya. Bukan itu sahaja, orang yang memberikan nama juga akan mendapat malu, sebagaimana pepatah (Arab) menyebut, “Melalui namamu, sudah kukenal siapa ayah kamu.” Oleh itu, sebelum memberikan suatu nama bagi anak yang baru dilahirkan, kita wajar mengambil kira beberapa perkara berikut, antaranya:

- Nama yang baik iaitu nama yang sebutannya elok dan maknanya juga baik mengikut maksud dari **bahasa yang dikeduk**.

•

47 Musnad Ahmad, No. Hadith 21693

- Mengelak daripada memberi nama-nama yang haram atau berunsur pesimis seperti Ka-abah (كآبة - murung), Hazin (حزين - sedih) dan seumpamanya.
- Memberi nama yang sesuai dengan seorang makhluk serta tidak mempunyai unsur mengangkat diri atau menyamai sifat khusus Tuhan seperti menamakan anak dengan 'Ar-Rahman' (Yang Maha Mengasihani) semata-mata. Sebaliknya ia hendaklah menamakan dengan 'Abdul Rahman' (hamba Tuhan yang Maha Mengasihani). Perbahasan ini mempunyai perincian yang mendalam membabitkan kaedah bahasa Arab. Justeru, menamakan anak dengan sifat-sifat Allah perlu dirujuk kepada ilmuwan yang tepat agar si bapa dapat memberikan nama yang betul kepada anaknya.
- Menjauhi nama-nama yang buruk seperti Firaun, Qarun, Abu Jahal, Himar dan seumpamanya.

Seandainya si bapa tersalah memberi nama kepada anaknya, ia hendaklah mengubah nama dan panggilan tersebut dengan nama dan panggilan yang baik dan bersesuaian. Hal ini sering dilakukan oleh Nabi s.a.w terhadap sahabat-sahabatnya yang pernah memiliki nama yang kurang sesuai.

Antaranya Ibn Umar menceritakan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيَّرَ اسْمَ عَاصِيَةَ قَالَتْ أَنْتِ جَمِيلَةٌ⁴⁸

48 Musnad Ahmad, No. Hadith 4682

*Bahawasanya Rasulullah s.a.w pernah menukar nama seorang wanita yang dipanggil `Asiyah (pelaku maksiat). Nabi berkata kepadanya:
"Kamu ialah Jamilah (cantik).*

ISU LAIN MENGENAI AQIQAH

Menjamu Daging Aqiqah Kepada Orang Bukan Islam

Antara isu yang berbangkit mengenai daging haiwan aqiqah ialah hukum menjamu daging aqiqah kepada orang bukan Islam. Secara amnya tiada nas spesifik yang menyentuh isu ini. Justeru para ulama berbeza pandangan di antara mengharuskan dan menegah. Kedua-dua kelompok yang mengharuskan atau menegah, masing-masing membina kesimpulan mereka dari hukum memberikan daging qurban kepada orang bukan Islam. Golongan yang mengharuskannya dalam bab tersebut, akan mengharuskan juga dalam bab aqiqah. Sementara golongan yang menegah pemberian daging qurban kepada orang bukan Islam, akan menegah juga dalam bab aqiqah.

- *Golongan yang mengharuskan*⁴⁹

Ulama dari mazhab Hanafi dan Hanbali cenderung mengharuskan jamuan daging aqiqah kepada bukan Islam. Mereka berhujah dengan dalil umum dari firman

49 Lihat Al-Mughni, Jilid 9, Ms. 450

Allah SWT:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ⁵⁰

“Allah tidak larang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu dan menghalau kamu keluar dari negara kamu. Sesungguhnya Allah suka kepada orang yang berlaku adil.”

Justeru, Allah tidak menegah orang Islam berbuat baik kepada orang bukan Islam dalam apa jua bentuk kebaikan selagi orang bukan Islam tersebut tidak tergolong di kalangan kafir yang menzalimi dan memerangi orang Islam.

Oleh kerana jamuan makan termasuk dalam kategori sedekah, golongan ini juga mengharuskan pemberian kepada orang bukan Islam terutamanya jika mereka mempunyai hubungan persaudaraan. Nabi SAW bersabda:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ وَهِيَ عَلَى ذِي الرَّحْمِ تَتَّانِ
صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ⁵¹

“Bersedekah kepada orang miskin adalah amalan sedekah, manakala bersedekah kepada individu yang mempunyai hubungan rahim⁵² pula adalah amalan sedekah dan menyambung silaturrahim.”

50 Surah Al-Mumtahanah: 8

51 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 658

52 Seperti ibu, bapa, datuk, nenek, bapa dan ibu saudara, abang, kakak, adik dan sebagainya.

Pun begitu, golongan yang mengharuskannya, tetap mengutamakan pemberian kepada orang Islam terlebih dahulu jika tiada keperluan signifikan untuk menjamu daging aqiqah kepada orang bukan Islam seperti kemiskinan, kejiiran atau hubungan silaturrahim⁵³.

Golongan yang menegah⁵⁴

Para ulama mazhab al-Syafi`iy menegah jamuan daging aqiqah kepada orang bukan Islam. Mereka menqiyaskan hukum ini dari isu pemberian daging korban kepada orang bukan Islam.

- **Rumusan**

Pandangan yang mengharuskan jamuan aqiqah kepada orang bukan Islam boleh menjadi jalan keluar untuk umat Islam yang tinggal secara majmuk dengan masyarakat berbilang agama, dengan syarat mereka mempunyai hubungan yang baik umat Islam setempat. Ketetapan ini juga masih bertepatan dengan keizinan umum dari Allah SWT melalui ayat 8 dan 9 Surah Al-Mumtahanah. Malah keharusan tersebut menjadi lebih nyata jika orang bukan Islam tersebut mempunyai hubungan silaturrahim atau kejiiran dengan pemberi, atau ia tergolong di kalangan orang-orang miskin yang kelaparan.

53 Lihat Al-Mufassal Fi Ahkam Al-Aqiqah, Ms. 112

54 Al-Iqna` Fi Halli Alfaz Abi Syuja`, Jilid 2, Ms. 593

KESIMPULAN

Amalan aqiqah merupakan salah satu amalan sunat yang sangat dituntut bagi mereka yang berkemampuan. Ia dilaksanakan dengan objektif menzahirkan tanda kesyukuran kepada Allah SWT yang telah memberi rezeki zuriat. Secara amnya, aqiqah mempunyai beberapa persamaan dengan ibadah qurban dari sudut standard pemilihan haiwan. Namun dalam beberapa aspek yang lain seperti cara agihan daging, majoriti ulama cenderung menggalakkan agihan dalam bentuk makanan yang telah dimasak. Selain aqiqah, seorang bapa juga disunatkan melafazkan azan di telinga anak, melakukan tahnik, mencukur rambut, menimbang dan bersedekah dengan nilai perak atau emas dari berat rambut yang dicukur serta menamakan anaknya dengan nama yang baik. Aqiqah adalah tanggungjawab permulaan bapa dan ibu terhadap anak mereka. Seiring dengan tumbesaran anak, tanggungjawab bapa dan ibu terhadap anak turut meningkat. Ia perlu dilaksanakan dengan ikhlas dan kesabaran kerana proses mewujudkan generasi yang baik merupakan sebuah perjalanan yang panjang dan mencabar namun amat berbaloi untuk menyemarakkan ikatan kasih sayang dalam sebuah keluarga serta melahirkan generasi manusia yang berbakti kepada kepada agama, bangsa, negara.

